

**NO. SOALAN: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
[ KAPAR ]**

**TARIKH : 20.10.2015 (SELASA)**

**TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [ KAPAR ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan:**

- (a) tindakan yang telah di ambil oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) terhadap mana-mana syarikat yang disyaki atau didakwa menjalankan kegiatan “gores dan menang”, dan nyatakan tindakan yang telah diambil secara terperinci, jika ada; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah di ambil oleh Kerajaan Pusat untuk memastikan harga barang sentiasa terkawal dan tidak meningkat setelah GST dilaksanakan sejak 1 April 2015.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Di bawah peruntukan undang-undang yang ditadbir oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), mana-mana syarikat, perniagaan atau perkongsian liabiliti terhad (PLT) yang digunakan bagi tujuan yang menyalahi undang-undang di bawah mana-mana perundangan, telah disabitkan dengan kesalahan tersebut oleh mahkamah dan maklumat tersebut dirujuk kepada SSM, tindakan-tindakan seperti berikut boleh diambil:
- (i) Pembubaran syarikat di bawah Seksyen 218 Akta Syarikat 1965 (AS 1965);
  - (ii) Pembatalan pendaftaran perniagaan di bawah Seksyen 5C Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956);
  - (iii) Pembatalan nama PLT di bawah Seksyen 51 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; dan
  - (iv) Menyenarai hitam pengarah syarikat yang telah disabitkan kesalahan berdasarkan peruntukan Seksyen 130 AS 1965 berkaitan hilang kelayakan sebagai pengarah syarikat.

Sehingga 30 September 2015, sebanyak **2 buah perniagaan** yang telah disabitkan kesalahan berkaitan menjalankan aktiviti gores dan menang telah dirujuk kepada SSM dan telah diambil tindakan pembatalan pendaftaran perniagaan di bawah seksyen 5C APP 1965.

## **Tuan Yang Di-Pertua**

- (b) Sejak Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan pada 1 April 2015, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) telah dan sedang mengambil beberapa tindakan tertentu bagi memastikan harga barang adalah terkawal, antaranya ialah seperti berikut:
- i. Melaksanakan penguatkuasaan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** dan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014** bagi memastikan tindakan undang-undang yang tegas diambil ke atas peniaga yang mengeksplotasi GST untuk membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah;
  - ii. Melaksanakan gerak gempur **OPS CATUT** yang bermula pada **15 Januari 2015** dan bertersan hingga sekarang. Operasi penguatkuasaan yang terancang dan bersasar ke atas **keseluruhan rantai pengedaran barang dan perkhidmatan** di seluruh negara. Ini adalah isyarat bahawa **Kerajaan tidak akan berkompromi** dan akan bertindak serius terhadap mana-mana pihak yang cuba mengambil kesempatan menaikkan harga tanpa sebarang sebab yang munasabah;
  - iii. Mengadakan **kerjasama dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia** dalam Operasi Bersepadu melalui operasi penguatkuasaan **OPS PEMATUHAN GST-CATUT bermula**

- 1 hingga 15 April 2015** bagi meningkat tindakan penguatkuasaan pencatutan yang lebih berkesan;
- iv. Melaksanakan operasi khas penguatkuasaan melalui **OPS Khas SST-GST** bermula **2 Jun 2015** bagi memastikan faedah perubahan kadar cukai bagi barang yang telah diturunkan atau dihapuskan kadar Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan selepas pelaksanaan GST telah disalurkan kepada pengguna melalui pengurangan harga oleh peniaga;
  - v. Melaksanakan kaedah menyekat kenaikan harga semasa permintaan tinggi yang tidak munasabah pada musim-musim perayaan melalui **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan**. Pada tahun ini, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan telah dilaksanakan semasa Tahun Baharu Cina, Hari Gawai, Pesta Kaamatan serta Hari Raya Puasa dan akan diteruskan bagi perayaan Deepavali dan Krismas yang akan datang;
  - vi. Melaksanakan **Kempen Penurunan Harga 2015** bermula pada pada 1 Mac 2015 dan terus dilaksanakan sehingga kini. Sebanyak **2,543 cawangan** pasaraya besar, pasaraya dan pasar mini di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak telah mengambil bahagian dalam kempen ini dengan menawarkan diskauan sehingga 70% bagi **934,873 produk**;
  - vii. Mengadakan **program advokasi pematuhan** secara bersemuka dengan persatuan perniaga, pengeluar, pembekal, pemborong, pengimport dan pengusaha perkhidmatan. Tindakan ini bertujuan untuk memberi penjelasan dan memberikan khidmat nasihat kepada

- peniaga dalam meningkatkan kefahaman dari aspek undang-undang pencatutan;
- viii. Menyediakan aplikasi **MyKIRA GST** dan **Ez-ADU KPDNKK** yang boleh diakses melalui telefon pintar sebagai alat interaktif untuk memberikan kemudahan kepada pengguna **menyemak harga barang** berdasarkan kepada maklumat harga pangkalan data Kementerian serta membolehkan pengguna **mengemukakan aduan** kepenggunaan dengan cepat dan mudah; dan
- ix. **Mewujudkan jalinan kerjasama** dengan Kementerian, Agensi-agensi Kerajaan serta Kerajaan Negeri dengan penglibatan Penghulu dan Penggawa, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) serta Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) bagi membantu Kementerian memantau harga barang dalam negara.